

**ISU CHARLIE HEBDO**

# Semai toleransi beragama bendung pengaruh ekstrem

Tidak sampai sebulan kejadian ganas berlaku di sebuah kafe, kota Sydney, Australia yang membawa kepada beberapa kematian serta kecederaan, menyusuli pembunuhan hampir 150 orang pelajar sekolah di Peshawar, Pakistan pada hujung tahun 2014, sekali lagi dunia dikejutkan dengan satu lagi insiden keganasan di bandar pelancongan terkenal Paris, Perancis.

Dalam kejadian itu, 17 terbunuh termasuk lelaki bersenjata yang menyerang sebuah pejabat akhbar mingguan terkenal kerana dasar anti-Islamnya. Antara dilaporkan terbunuh dalam kejadian terbabit ialah empat pelukis kartun terkenal Perancis yang selalu menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW, termasuk ketua pengarangnya Stephane Charbonnier.

## Insiden serang Charlie Hebdo

Menurut laporan, tiga lelaki bertopeng bersenjatakan raifal Kalashnikov dilaporkan menyerbu ibu pejabat Charlie Hebdo, Paris kemudian melepaskan tembakan ke arah kakitangan selepas mencari wartawan dengan memanggil nama mereka. Menurut laporan juga, saksi kejadian ada berkata, suspek kejadian di dengar menjerit 'Balas dendam untuk Rasulullah' dan 'Allahu Akbar' ketika masuk ke bangunan itu.

Suspek kemudian dilihat lari dalam sebuah kereta yang dirampas. Persoalan mula bermain di fikiran tentunya kenapa perkara begini berlaku? Malah, keganasan semakin menjadi-jadi di serata dunia kebelakangan ini. Jika dilihat pada alasan penyerang terbabit, jelas kepada kita mereka menggunakan alasan mempertahankan agama bagi mewajarkannya.

Alasan begini tidak boleh diterima oleh mana-mana pihak kerana agama tidak pernah menuntut keganasan dilakukan terhadap mana-mana pihak. Jika ada sesuatu tindakan yang dilakukan seseorang individu

yang menyebabkan perasaan tidak puas hati, terdapat saluran yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi menyelesaikannya.

Jika semua perkara diselesaikan melalui kegiatan keganasan, nescaya masyarakat tidak akan dapat hidup aman. Malaysia juga mengutuk sekeras-kerasnya serangan ke atas pejabat akhbar terbabit. Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melalui status Facebooknya juga telah menegaskan, negara ini menentang sebarang bentuk tindakan keganasan. Beliau juga menegaskan, kegiatan ekstremis mestilah ditentang melalui kaedah kesederhanaan.

Insiden di Paris juga telah membuka mata ramai pihak sama ada dalam ataupun luar negara mengenai pentingnya aspek toleransi agama difahami serta diamalkan. Manusia di serata dunia terdiri daripada pelbagai agama, kepercayaan, fahaman, budaya dan latar belakang yang berbeza. Oleh yang demikian, adalah penting bagi semua masyarakat untuk memahami perbezaan ini serta menghormatinya.

Amalan toleransi beragama adalah aspek paling penting dalam menjaga kerukunan dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat termasuk di Malaysia. Aspek ini perlu disemai dan dipupuk sejak kecil dan peranan ini mesti dilakukan oleh keluarga dan diperkuatkan pada peringkat



pendidikan formal di sekolah serta institusi pengajian tinggi.

## Elak sentuh sensitiviti penganut agama lain

Semua pihak sama ada dalam ataupun yang berada di luar negara mesti mengelak daripada menyentuh sensitiviti penganut agama lain serta pada masa yang sama menjauhi sikap ekstremis. Adalah penting bagi semua pihak memahami serta mempelajari aspek sensitiviti dalam sesebuah agama. Sebarang perkara yang ingin dilakukan atau disuarakan haruslah difikir dengan mendalam sebelum diluahkan sehingga menyakitkan hati atau perasaan orang lain.

Sebarang perbezaan pendapat

ataupun kekurangan fahaman mengenai sesuatu perkara atau isu dalam agama atau kepercayaan perlulah dibincang dengan cara sesuai dan baik supaya semua pihak dapat bersemuka serta memahami sesuatu perkara atau isu terbabit dengan baik tanpa pergaduhan. Jika sikap toleransi agama, bertolak-ansur dan amalan hormat-menghormati ini wujud, sudah pasti ia dapat menjauhkan mereka daripada keganasan pihak tidak bertanggungjawab atau yang mempunyai kepentingan tertentu.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)